KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 26 APRIL 2024

## LAPORAN HARIAN

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI



26/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **NAHAS HELIKOPTER TLDM: KPWKM SUMBANG RM3,000 KEPADA WARIS MANGSA** | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239029/nahas-helikopter-tldm-kpwkm-sumbang-rm3000-kepada-waris-mangsa | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083661/kpwkm-sumbang-rm3000-kepada-setiap-keluarga-mangsa-nahas-helikopter-tldm | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nahas-helikopter-lumut-kpwkm-beri-bantuan-rm3000-kepada-keluarga-mangsa-467890 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://thesun.my/cerita/berita/nahas-helikopter-kpwkm-beri-bantuan-rm3000-kepada-keluarga-mangsa-PI12380249 | THESUN.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/25/kpwkm-beri-bantuan-rm3000-kepada-waris-nahas-helikopter/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661319/berita/nasional/bantuan-rm3000-kaunseling-untuk-keluarga-mangsa-nahas-helikopter | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/25/tragedi-helikopter-tldm-ykn-sumbang-rm3000-bagi-setiap-waris/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.mynewshub.tv/2024/04/bantuan-rm3000-kaunseling-untuk-keluarga-mangsa-nahas-helikopter/ | MYNEWSHUB.TV | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=CyW-6KywTB8 | YOUTUBE | |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2291337 | BERNAMA.COM | |
| | https://bernama.com/en/general/news.php?id=2291347 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/local_news/kpwkm-to-give-rm3000-to-families-of-helicopter-crash-victims-BI12380320 | THESUN.MY | |
| | https://siakapkeli.my/2024/04/25/nahas-helikopter-kpwkm-beri-bantuan-rm3000-kepada-keluarga-mangsa/ | SIAKAPKELI.MY | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/25/womens-ministry-to-give-rm3000-to-familiesof-helicopter-crash-victims/130763 | MALAYMAIL.COM | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/25/copter-tragedy-women-ministry-to-give-rm3000-to-victims039-families-says-nancy | THESTAR.COM.MY | |

26/4/2024

| | | | |
|---|---|---|---|
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1042443/ministry-channel-rm3000-aid-each-family-lumut-crash-victims-%E2%80%94-nancy | NST.COM.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=8HrZf1WaRvg | YOUTUBE | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/ykn-bakal-sumbang-rm3000-bagi-setiap-waris-tragedi-helikopter/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://selangorkini.my/2024/04/menteri-waris-mangsa-nahas-helikopter-akan-terima-sumbangan-rm3000/ | SELANGORKINI.MY | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/tragedi-helikopter-waris-mangsa-akan-terima-sumbangan-rm3-000-nancy | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://selangorjournal.my/2024/04/copter-tragedy-ministry-to-give-rm3000-to-victims-families/ | SELANGORJOURNAL.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/helikopter-terhempas-kpwkm-sumbang-rm3000-kepada-waris-mangsa/ | BULETINTV3.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **KESELAMATAN SIBER: KETERANGKUMAN, KEPELBAGAIAN PERKASA SUMBANGAN WANITA - NORAINI** | | POSITIF |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/keselamatan-siber-keterangkuman-kepelbagaian-perkasa-sumbangan-wanita-noraini-467895 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=SlgWSbz02xA | YOUTUBE | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/13000-pakaar-keselamatan-siber-diperlukan/ | UTUSAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **PERLU TAMBAH WANITA UNTUK PEGANG JAWATAN TERTINGGI NEGARA** | | POSITIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083770/perlu-tambah-wanita-untuk-pegang-jawatan-tertinggi-negara | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239165/pm-lihat-keperluan-tambah-wanita-dalam-jawatan-tinggi-sektor-awam | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/jumlah-jawatan-tertinggi-kepimpinan-wanita-tidak-cukup-anwar/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://thesun.my/cerita/pm-terdapat-keperluan-tambah-bilangan-wanita-isi-jawatan-ksu-dan-kp-FI12382447 | THESUN.MY | |

26/4/2024

| | | | |
|---|---|---|---|
| | https://www.kosmo.com.my/2024/04/25/jumlah-jawatan-tertinggi-kepimpinan-wanita-tidak-cukup-pm/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/terdapat-keperluan-tambah-bilangan-wanita-isi-jawatan-ksu-kp-pm-anwar-467936 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://bernama.com/en/news.php?id=2291468 | BERNAMA.COM | |
| | https://thesun.my/local_news/pm-wants-more-women-in-top-civil-service-posts-FI12382531 | THESUN.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **PAHANG SALUR RM1.2 JUTA UNTUK PROGRAM CELIK AL-QURAN OKU PENGLIHATAN** | | POSITIF |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239068/pahang-salur-rm12-juta-untuk-program-celik-al-quran-oku-penglihatan | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661342/edisi/pahang/pahang-peruntuk-rm12-juta-beli-al-quran-braille | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083682/pahang-salur-peruntukan-rm12-juta-bantu-oku-penglihatan | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **JKM BANTU KAUNSELING KELUARGA MANGSA NAHAS HELIKOPTER LUMUT** | | POSITIF |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-bantu-kaunseling-keluarga-mangsa-nahas-helikopter-lumut-467822 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/jkm-sedia-khidmat-kaunseling-keluarga-nahas-helikopter/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://thesun.my/local_news/perak-jkm-provides-counselling-to-families-of-perished-rmn-personnel-GH12378907 | THESUN.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **PAHANG TAK MAHU GOLONGAN OKU TERCICIR – SABARIAH** | | *POSITIF* |
| | https://malaysiagazette.com/2024/04/25/pahang-tak-mahu-golongan-oku-tercicir-sabariah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |

26/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | PAWE WAJAR DIWUJUD DI PERINGKAT JAJAHAN | | POSITIF |
| | https://harakahdaily.net/index.php/2024/04/25/pawe-wajar-diwujud-di-peringkat-jajahan/ | HARAKAHDAILY.NET | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | #NSTVIRAL: WOMAN'S GESTURE OF KINDNESS TOWARDS ELDERLY MAN MOVES MALAYSIANS | | POSITIF |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1042397/nstviral-womans-gesture-kindness-towards-elderly-man-moves-malaysians | NST.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | PANDAI BERMAIN SEPAK TAKRAW WALAUPUN CACAT KAKI | | POSITIF |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/pandai-bermain-sepak-takraw-walaupun-cacat-kaki/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661386/edisi/kelantan/pemuda-berjalan-guna-tangan-capai-impian-ke-sekolah-sukan | SINARHARIAN.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 10 | KELUARGA PANIK, ANAK TERTIDUR DALAM KERETA TERKUNCI | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083612/keluarga-panik-anak-tertidur-dalam-kereta-terkunci | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661307/berita/semasa/dua-kanak-kanak-terkunci-dalam-kereta | SIINARHARIAN.COM.MY | |

26/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 11 | **DALANG SINDIKET PENYELUDUPAN KANAK-KANAK SRI LANKA-MALAYSIA KENA CEKUP** | | NEGATIF |
| | https://www.malaysiakini.com/news/703558 | MALAYSIAKINI.COM | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 12 | **KANAK-KANAK 5 TAHUN JATUH KONDOMINIUM, IBU TINGGAL AMBIL ANAK BALIK SEKOLAH** | | NEGATIF |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1083714/kanak-kanak-5-tahun-jatuh-kondominium-ibu-tinggal-ambil-anak-balik-sekolah | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/kanak-kanak-maut-dipercayai-jatuh-dari-tingkat-12-kondominium/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1239129/budak-maut-jatuh-kondominium-ketika-ibu-keluar-ambil-kakak-di-sekolah | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://wartaoriental.com/2024/04/25/kanak-kanak-maut-dipercayai-jatuh-dari-tingkat-12-kondominium/ | WARTOORIENTAL.COM | |
| | https://majoriti.com.my/berita/2024/04/25/budak-5-tahun-maut-jatuh-tingkat-12-kena-tinggal-ibu-sendirian-di-kondominium-johor | MAJORITI.COM.MY | |
| | https://siakapkeli.my/2024/04/25/kanak-kanak-berumur-lima-tahun/ | SIAKAPKELI.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/661361/berita/semasa/kanak-kanak-maut-jatuh-kondominium-ketika-ibu-keluar-ambil-kakak-di-sekolah | SINARHARIAN.COM.MY | |

| PECAHAN KATEGORI PERANTARAAN MEDIA | |
|---|---|
| **YKN** | **25** |
| Positif | 25 |
| **KPWKM** | **24** |
| Negatif | 12 |
| Neutral | 1 |
| Positif | 11 |
| **JKM** | **12** |
| Positif | 12 |
| **Jumlah** | **61** |

26/4/2024

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **#KUANTAN KERAJAAN NEGERI MENYALURKAN PERUNTUKAN RM1.2 JUTA MELALUI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) BAGI PROGRAM CELIK AL-QURAN BRAILLE UNTUK GOLONGAN...** | | POSITIF |
| | https://www.facebook.com/649734810516728/posts/843910104432530 | FACEBOOK | |
| | https://twitter.com/hmetromy/status/1783414537279996353 | TWITTER | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT, KPWKM MELALUI YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MENYUMBANGKAN BANTUAN SKIM PEMBERIAN EHSAN KEPADA KELUARGA...** | | POSITIF |
| | https://www.facebook.com/783826136447188/posts/970883084408158 | FACEBOOK | |
| | https://www.facebook.com/649734810516728/posts/843883891101818 | FACEBOOK | |
| | https://twitter.com/hmetromy/status/1783399645906936266 | TWITTER | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **#ICYMI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) PERAK AKAN MEMBERI SOKONGAN KAUNSELING KEPADA KELUARGA MANGSA YANG TERKORBAN DALAM TRAGEDI DUA HELIKOPTER TLDM...** | | POSITIF |
| | https://www.facebook.com/590283186467803/posts/821825003313619 | FACEBOOK | |
| | https://twitter.com/Bernama_Radio/status/1783299892187718081 | TWITTER | |
| | https://twitter.com/hmetromy/status/1783164159859052856 | TWITTER | |

| PECAHAN KATEGORI PERANTARAAN MEDIA | |
|---|---|
| **FACEBOOK** | **4** |
| Positif | 4 |
| **TWITTER** | **4** |
| Positif | 4 |
| **Jumlah** | **8** |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPWKM SUMBANG RM3,000 KEPADA WARIS | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 26 APR 2024 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KPWKM sumbang RM3,000 kepada waris

**Putrajaya:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Skim Pemberian Ehsan Yayasan Kebajikan Negara (PEKA YKN) menyumbang RM3,000 kepada waris keluarga mangsa yang terkorban dalam nahas dua helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Selasa lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri, berkata kementerian juga akan menyantuni keluarga mangsa dengan pendekatan melalui bimbingan kaunseling oleh kaunselor Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

KPWKM juga sudah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dan mereka bersetuju menyantuni waris pelajar yang terbabit melalui bimbingan kaunseling.

"Walaupun bantuan yang disumbangkan tidak dapat mengubat duka keluarga mangsa, diharap semoga dapat meringankan bebanan dan meredakan kesedihan," katanya pada Majlis Tahlil Mangsa Tragedi Helikopter Anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di kementeriannya semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Bacaan Yasin dihadiri seramai 200 kakitangan.

Dalam pada itu Nancy turut menasihatkan orang ramai agar tidak menyebarkan video dan cerita tidak benar berkenaan kejadian itu bagi menghormati waris dan ahli keluarga.



*Nancy (kanan) bersama kakitangan pada Majlis Tahlil Mangsa Tragedi Helikopter Anggota TLDM di KPWK, semalam.* (Foto ihsan KPWKM)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NAHAS HELIKOPTER: KPWKM BERI BANTUAN RM3,000 KEPADA KELUARGA MANGSA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 26 APR 2024 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Nahas helikopter: KPWKM beri bantuan RM3,000 kepada keluarga mangsa

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara, menyumbangkan bantuan Skim Pemberian Ehsan Kepada Keluarga Mangsa (PEKA YKN) RM3,000, kepada waris anggota keluarga mangsa nahas dua helikopter yang terhempas di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Lumut, dalam masa terdekat.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata bantuan yang akan diagihkan dalam masa terdekat itu, diharapkan dapat meringankan bebanan yang dialami keluarga mangsa.

"Saya akan menghulurkan sendiri bantuan (PEKA YKN) kepada keluarga mangsa di Sarawak, manakala timbalan saya (Datuk Seri Dr Noraini Ahmad) akan menyantuni keluarga mangsa di Sabah dan Lumut," katanya kepada media selepas Majlis Bacaan Yasin dan Tahlil Mangsa Tragedi Nahas Helikopter, di sini semalam.

Kira-kira 200 warga kerja kementerian itu menyertai bacaan Yasin yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam KPWKM Ustaz Muhammad Zaid Jumali.

Nancy berkata KPWKM juga akan menyantuni keluarga mangsa, dengan pendekatan melalui bimbingan kaunseling oleh kaunselor Pusat Sokongan Sosial Setempat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, dalam memberi sokongan serta rujukan bantuan yang disediakan jabatan agensi di bawah KPWKM.

Beliau berkata pihaknya juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk memberikan khidmat kaunseling kepada keluarga mangsa, termasuk anak-anak mangsa yang masih bersekolah.

"Kementerian sentiasa komited membantu mereka yang memerlukan, termasuk waris keluarga mangsa yang kini mungkin hilang tempat untuk bergantung bagi meneruskan kehidupan.

"Saya dan seluruh warga kerja KPWKM berdukacita serta mendoakan agar roh mangsa korban ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan soleh," katanya.

Tragedi pagi kelmarin yang membabitkan pesawat Helikopter Operasi Maritim (HOM-AW139) dan pesawat Fennec (M502-6) di Pangkalan Tentera Laut TLDM di Lumur Perak, mengorbankan 10 pegawai dan anggota TLDM termasuk tiga wanita. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPWKM SUMBANG RM3,000 | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 APR 2024 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KPWKM sumbang RM3,000

**Putrajaya:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Skim Pemberian Ehsan Yayasan Kebajikan Negara menyumbang RM3,000 kepada setiap keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi dua helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) berlanggar di Pangkalan TLDM, Lumut, Selasa lalu.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kementerian juga akan menyantuni keluarga mangsa dengan pendekatan melalui bimbingan kaunseling oleh kaunselor Pusat Sokongan Sosial Setempat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam memberi sokongan serta rujukan bantuan yang disediakan.

Di samping itu, menurut Nancy lagi, kementerian sudah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan dan bersetuju untuk menyantuni waris pelajar yang terbabit melalui bimbingan kaunseling.

"Walaupun bantuan tidak dapat mengubat duka keluarga mangsa, namun diharap dapat meringankan bebanan dan meredakan kesedihan dialami," katanya.



"Diharap dapat ringan bebanan dan meredakan kesedihan
Nancy

# Nahas helikopter TLDM: KPWKM sumbang RM3,000 kepada waris mangsa

Oleh Samadi Ahmad - April 25, 2024 @ 2:04pm
bhnews@bh.com.my




Nancy (tengah) menghadiri Majlis Tahlil Mangsa Tragedi Helikopter Anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di KPWK hari ini. Foto NSTP/Samadi Ahmad

PUTRAJAYA: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Skim Pemberian Ehsan Yayasan Kebajikan Negara (PEKA YKN) menyumbang RM3,000 kepada waris keluarga mangsa yang terkorban dalam nahas dua helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) kelmarin.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Datuk Seri Nancy Shukri berkata kementerian juga akan menyantuni keluarga mangsa dengan pendekatan melalui bimbingan kaunseling oleh kaunselor Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

KPWKM juga telah mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan (KPM) dan mereka bersetuju menyantuni waris pelajar yang terlibat melalui bimbingan kaunseling.

"Walaupun bantuan yang disumbangkan tidak dapat mengubat duka keluarga mangsa, diharap semoga dapat meringankan bebanan dan meredakan kesedihan," katanya pada Majlis Tahlil Mangsa Tragedi Helikopter Anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di kementeriannya hari ini.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.

Bacaan Yasin diketuai Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam KPWKM dan dihadiri seramai 200 kakitangan.

Dalam pada itu beliau turut menasihatkan orang ramai agar tidak menyebarkan video dan cerita tidak benar berkenaan kejadian itu bagi menghormati waris dan ahli keluarga.

# Keselamatan siber: Keterangkuman, kepelbagaian perkasa sumbangan wanita - Noraini

Madiha Abdullah
25/04/2024 18:00 MYT



*Kata Noraini, kepimpinan adalah mengenai impak dan inspirasi yang berkekalan, di samping memperkasa suara dan memperjuangkan sesuatu untuk mencapai matlamat bersama. - Gambar fail/Bernama*

**PUTRAJAYA:** Seperti industri lain, industri keselamatan siber turut menghadapi masalah ketaksamaan jantina yang berpotensi menyisihkan sumbangan penting yang boleh dilakukan golongan wanita.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Noraini Ahmad berkata, wanita harus mula memberi fokus dan penekanan terhadap keterangkuman dan kepelbagaian perspektif bagi membolehkan mereka menangani cabaran industri dengan berkesan.

"Sebagai contoh, kita mesti mengenali dan memanfaatkan fakta bahawa terdapat lebih ramai wanita daripada lelaki di universiti.

"Ini adalah peluang untuk melatih lebih ramai wanita dalam bidang keselamatan siber. Kita boleh berbuat demikian dengan melabur dalam inisiatif pengambilan bersasar, biasiswa dan program bimbingan untuk menarik dan mengekalkan wanita dalam bidang tersebut.

"Selain itu, kita mesti mengakui bahawa ramai wanita meninggalkan pekerjaan mereka kerana tanggungjawab keluarga, terutamanya di antara umur 30 dan 39.

"Untuk memerangi isu ini, kita mesti melaksanakan dasar mesra keluarga dan pengaturan kerja yang fleksibel yang menampung pelbagai keperluan ibu bekerja," katanya.

Tambahnya, kepimpinan adalah mengenai impak dan inspirasi yang berkekalan, di samping memperkasa suara dan memperjuangkan sesuatu untuk mencapai matlamat bersama.

Wanita, jelasnya, terkenal dengan kemahiran komunikasi dan perspektif unik, mampu membawa perubahan dan kelebihan dalam menutup jurang digital bagi memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama di Women in CYBER 2024 (WIC 2024), pada Khamis.

Program anjuran Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) itu turut dihadiri Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara, Datuk Nushirwan Zainal Abidin, serta beberapa panelis lain termasuk Pengerusi Inisiatif Penyelidikan Sosial dan Ekonomi (SERI), Nurul Izzah Anwar, Pengarah Dasar dan Kerjasama Antarabangsa, Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan Malaysia (NACSA), Shariffah Rashidah Syed Othman, dan Pengarah Kanan Malaysia Center4IR, MyDigital Corporation, Ellina Roslan.

Ia disasarkan untuk memperkasa dan memberi inspirasi kepada wanita dalam keselamatan siber untuk cemerlang dalam kerjaya, memupuk komuniti yang menyokong dan inklusif, dan merapatkan jurang jantina dalam industri.

# Perlu tambah wanita untuk pegang jawatan tertinggi negara

Mohd Iskandar Ibrahim
am@hmetro.com.my




ANWAR (tiga, kiri) pada Sesi Townhall Lebaran Aidilfitri Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) bersama Perdana Menteri di PICC, hari ini. FOTO Bernama.

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata wujud keperluan untuk menambah bilangan pemimpin wanita bagi menjawat jawatan tertinggi dalam negara seperti ketua setiausaha (KSU) dan ketua pengarah.

Perdana Menteri menjelaskan, ketika ini jumlah pemimpin wanita sedia ada tidak mencerminkan 42 peratus wanita yang berada dalam sektor awam.

"Kalau ditanya, memang tidak cukup dan saya memang ada berbincang dengan KSN (Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali).

"Kita harus cari jalan supaya pimpinan KSU, ketua pengarah itu bertambah (dalam kalangan wanita," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab Townhall Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD) Bersama Perdana Menteri di Pusat Kovensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Mohd Zuki Ali, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz dan Presiden PPTD, Datuk Seri Isham Ishak.

Pemimpin wanita yang menjawat jawatan penting dalam negara termasuk Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat; Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin@Mohd Zainuddin dan Ketua Audit Negara, Datuk Wan Suraya Wan Mohd Radzi.

Sementara itu, hanya dua wanita yang menjawat jawatan KSU iaitu Datuk Maziah Che Yusoff bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Datuk Seri Suriani Ahmad di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Menjawab persoalan bagaimana untuk memperbaiki kelemahan dalam kalangan pegawai tadbir dan diplomatik (PTD), Anwar berpendapat wujud ruang yang boleh diperbaiki termasuk dari segi tata kelola.

"Saya tidak lihat ada kelemahan, mungkin ambil masa untuk baiki tata kelola, sebab ada kelemahan tata kelola dari atas ke bawah.

"Kita kena beri penekanan sebab saya banyak pengalaman di penjara dan tidak mahu orang ditangkap sebab rasuah," katanya.

Malah, beliau mahu pemimpin tertinggi penjawat awam seperti KSU dan ketua pengarah memberi mesej jelas kepada pegawai bawahan untuk memastikan tata kelola ketika bertugas.

**Disiarkan pada: April 25, 2024 @ 6:34pm**

# Pahang salur RM1.2 juta untuk program celik al-Quran OKU penglihatan

Oleh Asrol Awang - April 25, 2024 @ 3:08pm
bhnews@bh.com.my




Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang, Datuk Sabariah Saidan ketika melancarkan Projek Al-Quran bagi OKU Penglihatan peringkat Pahang di Kuantan. - Foto NSTP/Asrol Awang

KUANTAN: Kerajaan negeri menyalurkan peruntukan RM1.2 juta melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi Program Celik al-Quran Braille untuk golongan orang kurang upaya (OKU) penglihatan beragama Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang, Datuk Sabariah Saidan, berkata peruntukan itu termasuk pembelian al-Quran Braille untuk memudahkan golongan berkenaan membaca.

Katanya, selain itu, peruntukan itu turut membabitkan kemudahan dan penganjuran latihan yang bersesuaian kepada golongan itu yang dikendalikan Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS).

"Oleh itu, UnIPSAS diharap menggerakkan aktiviti berbentuk kursus dan latihan untuk meningkatkan jumlah guru al-Quran Braille yang berkemahiran di negeri ini.

"Saya juga mengharapkan UnIPSAS dapat melaksanakan dengan lebih giat promosi di seluruh Pahang supaya semua OKU penglihatan dapat mengambil bahagian dalam pengajian al-Quran," katanya.

Sabariah berkata demikian pada Majlis Pelancaran Projek Al-Quran bagi OKU Penglihatan peringkat Pahang di sini hari ini.

Hadir sama, Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Zawavi Zainal Abidin dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Pahang, Khairul Amri Ahmad.

Beliau berkata, UnIPSAS mengorak langkah ke hadapan berbanding universiti lain dengan menyediakan kepakaran, modul dan penyelidikan berkaitan OKU.

"Hal ini menunjukkan UnIPSAS mempunyai kemampuan tinggi dan sentiasa bersedia memartabatkan ilmu dalam kalangan OKU.

"Ia sekali gus membuktikan kekurangan fizikal bukan menjadi penghalang kepada golongan ini untuk berjaya dalam bidang akademik dan pembinaan sahsiah," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JKM PERAK SEDIA SOKONGAN KAUNSELING | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 APR 2024 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# JKM Perak sedia sokongan kaunseling

**Lumut:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perak akan memberi sokongan kaunseling kepada keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi dua helikopter Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) terhempas di Lumut, Selasa lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Salbiah Mohamed berkata, pihak JKM sudah melawat tiga keluarga mangsa dari Perak iaitu di Selama, Lekir dan Sitiawan.

Menurutnya selain menyampaikan sumbangan Tabung Bantuan Wang Segera dan sumbangan peribadi, pihaknya juga memantau situasi keluarga berkenaan.

"Cuma kita akan lihat dari segi pendekatan kepada keluarga mangsa bagaimana dan jenis sokongan intervensi yang akan kita buat selepas ini.

"Mungkin dalam sehari dua ini kita tidak lihat kesannya kerana ia akan mengambil masa seminggu atau dua minggu dan JKM akan buat lawatan susulan terhadap setiap keluarga," katanya semalam.

Beliau ditemui semasa menziarahi keluarga Pegawai Waran II TMK Allahyarham Mohd Shahrizan Mohd Termizi di Taman Bunga Tanjung, di Lekir di sini.

Salbiah menambah, pihaknya sedar dalam saat sukar seperti sekarang, mereka (keluarga mangsa) memerlukan orang lain untuk membantu menenangkan dan memberi sokongan kepada mereka.

# JKM bantu kaunseling keluarga mangsa nahas helikopter Lumut

Abd Razak Mohd Ali
25/04/2024 07:20 MYT



Mohd Shahrizan merupakan salah seorang kru pesawat Fennec yang terlibat mengikuti sesi latihan sempena Perbarisan Hari TLDM ke-90 di Pangkalan TLDM Lumut bersama Helikopter Operasi Maritim (HOM-AW139).

Pada Selasa, TLDM mengesahkan helikopter tersebut dan sebuah helikopter FENNEC terhempas semasa raptai Perbarisan Hari TLDM ke-90 di Pangkalan TLDM Lumut pada jam 9.32 pagi.

Insiden itu melibatkan seramai 10 orang, masing-masing tujuh kru HOM TLDM dan tiga kru Fennec TLDM.

Salbiah Mohamed berkata, pihak JKM telah melawat keluarga mangsa di Selama, Lekir dan Sitiawan.

Menurutnya, selain menyampaikan sumbangan dari Tabung Bantuan Wang Segera dan sumbangan peribadi, mereka juga memantau situasi keluarga berkenaan.

"Kita akan melihat dari segi pendekatan kepada keluarga mangsa macam mana. Apa sokongan yang perlu intervensi, yang perlu kita buat selepas ini, terutamanya.

"Mungkin sehari dua ini kita tak dapat lihat kesannya macam mana, tetapi mungkin (lepas) seminggu, dua minggu. Jadi, JKM akan buat lawatan susulan kepada setiap keluarga," katanya.

Salbiah berkata demikian kepada pemberita semasa menziarahi keluarga Pegawai Waran II TMK Allahyarham Mohd Shahrizan Mohd Termizi di Taman Lekir Indah, Lekir, dekat sini, semalam.

Salbiah berkata, JKM juga akan memantau keadaan anak-anak mangsa.

"Tentulah mana-mana anak-anak yang kehilangan ibu bapa akan trauma, akan terkejut, sebab itu kita akan bagi masa dan JKM pun akan masuk dan melihat kondisi anak-anak macam mana, kita perlu melihat kesesuaian," ujarnya.

Mohd Shahrizan merupakan salah seorang kru pesawat Fennec yang terlibat mengikuti sesi latihan sempena Perbarisan Hari TLDM ke-90 di Pangkalan TLDM Lumut bersama Helikopter Operasi Maritim (HOM-AW139).

Pada Selasa, TLDM mengesahkan helikopter tersebut dan sebuah helikopter FENNEC terhempas semasa raptai Perbarisan Hari TLDM ke-90 di Pangkalan TLDM Lumut pada jam 9.32 pagi.

Insiden itu melibatkan seramai 10 orang, masing-masing tujuh kru HOM TLDM dan tiga kru Fennec TLDM.

# Pahang tak mahu golongan OKU tercicir – Sabariah

Oleh **Syahira Yahya** - 25 April 2024




*Sabariah Saidan merasmikan Majlis Pelancaran Projek Celik al-Quran bagi OKU penglihatan peringkat Pahang di Kuantan hari ini*

KUANTAN – Golongan orang kelainan upaya (OKU) tidak pernah diabaikan dan sentiasa mendapat perhatian pihak kerajaan negeri mahu pun pusat.

Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Pahang, Sabariah Saidan berkata, kerajaan negeri sentiasa berusaha membantu meningkatkan keperluan golongan berkenaan.

Menurutnya, jumlah keseluruhan OKU berdaftar di negeri ini berakhir Mac 2024 adalah sebanyak 41,898 orang dan daripada jumlah itu seramai 3,737 orang terdiri daripada OKU penglihatan.

"Oleh sebab itu, atas keprihatinan kerajaan negeri dan keinginan untuk melihat nasib golongan OKU di negeri ini tidak terabai, pada tahun 2021 Kerajaan Negeri Pahang telah menggerakkan kempen Jom Daftar OKU," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap ketika Majlis Pelancaran Projek Celik Al-Quran bagi OKU penglihatan peringkat Pahang di sini hari ini.

Menurut Sabariah, pendaftaran itu penting bagi menjamin golongan OKU di negeri ini tidak tercicir daripada menerima pelbagai bentuk bantuan.

Antara bantuan daripada kerajaan negeri dibuat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), contohnya seperti skim bantuan Elaun Pekerja OKU (EPOKU), Bantuan Pesakit Kronik atau OKU Terlantar (BPT) dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB).

Bukan itu sahaja katanya pendaftaran OKU secara lebih khususnya bertujuan untuk mengetahui bilangan, taburan dan kategori OKU bagi maksud merancang program dan perkhidmatan berkaitan dengan pencegahan, pendidikan, habilitasi dan rehabilitasi serta latihan.

Ia juga berobjektif untuk merancang penyediaan kemudahan yang bersesuaian dengan keperluan OKU dan untuk membolehkan OKU yang berdaftar mendapat perkhidmatan yang bersesuaian dengan keperluan berdasarkan tahap kefungsian atas ketidakupayaan mereka.

Sabariah berkata bagi peringkat nasional pula, inisiatif bagi membantu golongan OKU penglihatan ialah Projek Mata Hatiku Tabung Pendidikan OKU Penglihatan yang diwujudkan bagi membantu yang akan melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Selain itu, dalam Belanjawan Negara pada setiap tahun, jumlah peruntukan untuk pembangunan infrastruktur golongan OKU sentiasa ditambah antara lain bagi menyediakan lebih banyak laluan khas untuk kegunaan golongan OKU penglihatan.

Tambah beliau mulai Januari 2023, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memulakan inisiatif Label Ubat Mesra Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan bagi membantu golongan itu dalam urusan pengambilan ubat di fasiliti kesihatan.

Label itu diwujudkan bagi memudahkan OKU penglihatan mendapat maklumat mengenai ubat dan preskripsi secara cepat dan tepat.

Untuk rekod, statistik OKU berdaftar di Sistem Maklumat OKU (SMOKU) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang dikemas kini berakhir Disember 2023, terdapat seramai 691,427 Orang Kurang Upaya atau OKU yang berdaftar secara rasmi di seluruh Malaysia.

Paling ramai adalah mereka yang dikategorikan sebagai OKU pembelajaran diikuti oleh OKU fizikal.

"Daripada jumlah yang saya sebutkan tadi, seramai 59,072 orang dikategorikan sebagai OKU penglihatan meliputi seramai 37,582 lelaki dan selebihnya iaitu 21,490 orang adalah perempuan.

"Jumlah keseluruhan OKU penglihatan yang berdaftar ini bersamaan dengan kira-kira 0.17 peratus daripada populasi rakyat Malaysia," ujarnya. – MalaysiaGazette

# PAWE wajar diwujud di peringkat jajahan

April 25, 2024



**BACHOK:** Komuniti warga emas di peringkat jajahan disaran mewujudkan jawatankuasa khas bagi menubuh Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) untuk memudahkan golongan berkenaan menjalankan aktiviti harian.

Bekas Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Zailah Mohd Yusoff berkata, surat permohonan bagi mewujudkan PAWE boleh dihantar kepada kementerian terbabit.

Katanya, PAWE merupakan perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan warga emas agar mereka memanfaatkan pengalaman dan ilmu yang ada.

"PAWE melibatkan kerjasama strategik antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan agensi lain serta NGO.

"Kita berharap penglibatan warga emas dapat membantu PAWE supaya aktif kerana ia sangat bermanfaat kepada penduduk setempat," katanya ketika ditemui pada majlis Pemantapan Warga Emas Peringkat Negeri di sini petang semalam.

Program berkenaan dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga, Wanita dan NGO negeri, Rohani Ibrahim.

Turut hadir ADUN Pantai Irama, Mohd Huzaimy Che Husin; Pengerusi Assabiqun Kelantan Datuk Abdullah Ya'kub dan Pengerusi Assabiqat negeri, Rahimah Hussin.




Program yang diadakan di sebuah resort berlangsung dua hari, turut diisi dengan program pemantapan rohani, sembang santai, bacaan al-Quran dan persembahan kesenian.

Siti Zailah yang juga Ahli Parlimen Rantau Panjang berkata, tanggungjawab warga emas kepada masyarakat masih diperlukan kerana mereka mempunyai banyak pengalaman dalam pelbagai bidang dan kepakaran.

"Di tengah masyarakat warga emas berperanan sebagai ikon. Jadi kita harap penjawat awam yang sudah pencen tidak hanya duduk diam di rumah.

"Sebaliknya hendaklah manfaatkan pengalaman untuk berkongsi dengan masyarakat," katanya. – **HARAKAHDAILY 25/4/2024**

# #NSTviral: Woman's gesture of kindness towards elderly man moves Malaysians

By Najihah Borhan - April 25, 2024 @ 1:05pm




A woman paid for the meal of an elderly man at a Penang restaurant when he said he could not afford anything more than rice and chicken liver. Pic from Nasi Kandar Sulaiman Facebook

KUALA LUMPUR: The story of a kind-hearted woman paying for the meal of an elderly man has touched the hearts of Malaysians.

Through the Facebook account @Nasi Kandar Sulaiman, it was said that the woman, who was also a customer at the restaurant in Air Hitam, Penang, offered to pay for the elderly man's meal.

"The woman first saw the elderly man heading towards the restaurant and she immediately went to the counter to offer to pay for his meal.

"The man only asked for rice with chicken liver. The woman then asked him to choose other dishes available, but he replied that he didn't have any money.

"She then said 'no worries, I will pay for it'. The man then took a serving of fish, rice and iced tea," it wrote in the Facebook post.

The post described that the man was very happy not because he got to eat fish with his rice, but because he felt that someone still cared about him.

The owner of the account wanted to share the story to convey a message that every human being, especially those who are capable, should share their blessings with those in need.

"I believe there are many more elderly citizens like this man out there and they always eat only rice because they cannot afford more.

"So, it is us, the younger generation, who should help them. Just being able to treat them to a meal is enough."

The post touched the hearts of many netizens, some of whom suggested ways for restaurants to improve themselves to help people in need.

"Restaurants are recommended to provide donation boxes at the counter for food charity to those who are unable to afford it. We often eat with various delicious dishes, and without realising it, we forget that there are still people in need," wrote @Zaki Wai.

@Azie Surip's suggested for the restaurant to print meal tokens consisting of rice, one protein, one vegetable, and a drink and make them available for purchase to anyone willing to donate.

"If someone doesn't have money to buy a meal, they can take one of these tokens and redeem a meal set that has been donated by another customer," he said.

# Pandai bermain sepak takraw walaupun cacat kaki

25 April 2024, 9:10pm



Muhammad Fikri Che Mood yang cacat kedua belah kaki menggunakan kedua belah tangannya ketika bermain sepak takraw.- Foto: NSTP

**KOTA BHARU:** Kekurangan fizikal yang dimiliki Muhammad Fikri Che Mood tidak mematahkan semangatnya untuk beraksi dalam sukan kegemarannya iaitu sepak takraw.

Meskipun sukan itu memerlukan pergerakan dan kekuatan fizikal yang tinggi, Muhammad Fikri, 27, yang cacat kedua belah kaki, lincah beraksi sebagai tekong walau hanya menggunakan kedua belah tangannya.



Anak bongsu daripada enam beradik itu berkata meskipun dia bergelar orang kurang upaya (OKU) sejak lahir, keadaan itu tidak menghalangnya daripada menjalani hidup seperti orang normal.

"Saya sangat meminati sukan sepak takraw kerana sejak kecil lagi sering mengikuti abang menjalani latihan dan ketika di Tahun Enam, saya mula aktif bermain sepak takraw," katanya ketika ditemui di sebuah hotel di sini, hari ini.

Menurut Muhammad Fikri, dia pernah memasang impian untuk memasuki sekolah sukan tapi mengenangkan banyak kekangan, impian itu terpaksa dilupakannya.



Pengurus Besar Petronas Pantai Timur, M Ahmad Shazly Ramli (kemeja batik) berbual dengan Muhammad Fikri Che Mood dalam sambutan Aidilfitri anjuran Petronas di sebuah hotel di Kota Bharu.-Foto: NSTP

Impian Muhammad Fikri bagaimanapun direalisasikan pihak Petronas yang membawanya ke Sekolah Sukan Bukit Jalil pada 12 Mac lalu sempena Ulangtahun Petronas yang ke-50.

Selama lima hari berada di sekolah berkenaan, Muhammad Fikri dapat merasai pengalaman menjalani latihan sepak takraw bersama pelajar lain serta dibawa melawat ke hampir keseluruhan prasarana yang ada di sekolah itu.

Muhammad Fikri berkata walaupun cita-citanya untuk bergelar pelajar di sekolah sukan tidak tercapai, dibawa menjelajah hampir keseluruhan kawasan Sekolah Sukan Bukit Jalil pun sudah memadai.

"Rasa seronok kerana dapat berangan menjadi pelajar di sana walau hanya lima hari tapi pengalaman itu sekurang-kurangnya dapat mengubati kekecewaan saya selama ini," katanya yang ditemui di majlis Aidilfitri Petronas, di sini.

Jelasnya, untuk menjaga kesihatan serta minat yang masih tinggi dalam sukan sepak takraw, dia aktif bermain sepak takraw di kampung.



Pemuda OKU fizikal, Muhammad Fikri Che Mood dibawa ke Sekolah Sukan Bukit Jalil selama lima hari bermula 12 Mac lalu oleh Petronas bagi memberi pengalaman menjalani latihan sepak takraw. Foto ihsan Petronas.

Muhammad Fikri yang masih bujang menetap di Selising, Pasir Puteh, dekat sini bersama dua abangnya.

Untuk menyara hidup, dia bekerja sebagai tukang gunting rambut di satu sudut khas di rumah mereka.

Hampir 10 tahun bergelar tukang gunting, Muhammad Fikri memberi khidmat kepada pelanggan di sekitar Selising dan luar Pasir Puteh.

Muhammad Fikri mengakui ada pelanggan yang masih ragu-ragu dengan kebolehannya tetapi bertukar menjadi kagum sebaik melihat dia menggunting rambut.

"Bagi saya, selagi masih mampu bergerak dan bekerja, selagi itulah saya akan terus berusaha dan jangan jadikan kekurangan diri sebagai halangan," katanya yang turut menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM450 sebulan.

# Kanak-kanak 5 tahun jatuh kondominium, ibu tinggal ambil anak balik sekolah

Omar Ahmad
am@hmetro.com.my




- Foto hiasan

Johor Bahru: Seorang kanak-kanak perempuan berumur lima tahun maut, dipercayai jatuh dari tingkat 12 sebuah kondominium di Bandaraya Johor Bahru di sini, kelmarin.

Ketua Polis daerah Johor Bahru Selatan, Asisten Komisioner Raub Selamat berkata, pihaknya menerima aduan berhubung kejadian pada jam 6.30 petang.

Katanya, kanak-kanak malang tersebut dipercayai ditinggalkan bersendirian oleh ibunya ketika mangsa sedang tidur.

"Wanita itu yang juga seorang suri rumah, keluar rumah kerana mahu mengambil anak sulong perempuan berusia 11 tahun yang tamat waktu persekolahan. Dia turut membawa anak bongsu, perempuan berusia empat bulan.

"Sekembali ibunya yang berusia 32 tahun ke rumah mendapati kanak-kanak tersebut tiada di dalam rumah dan mangsa dijumpai di aras enam kondominium tersebut dalam keadaan tidak sedarkan diri.

"Mangsa dipercayai membuka pintu koridor rumah yang tidak berkunci dan memanjat dinding hingga terjatuh ke bawah.

"Pegawai perubatan dari Hospital Sultanah Aminah (HSA) mengesahkan kanak-kanak malang tersebut meninggal dunia akibat kecederaan parah di bahagian badan dan kepala," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Kes disiasat di bawah Seksyen 31(1)(a) Akta kanak-kanak tahun 2001 kerana cuai dan pengabaian terhadap kanak-kanak.

Menurut Raub, wanita terbabit sudah ditahan dan dibebaskan dengan jaminan polis.

**Disiarkan pada: April 25, 2024 @ 4:44pm**




# Dalang sindiket penyeludupan kanak-kanak Sri Lanka-Malaysia kena cekup

Diterbitkan: Apr 25, 2024 12:45 PM · Dikemaskini: 12:45 PM

Seorang lelaki yang dipercayai dalang di sebalik sindiket penyeludupan yang memperdagangkan kanak-kanak dari Sri Lanka ke Malaysia ditahan di Colombo semalam selepas dia diusir dari Malaysia.

Akhbar *Daily Mirror* melaporkan pihak berkuasa menahan warga Sri Lanka itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Bandaranaike selepas Jabatan Imigresen Malaysia menahanya kerana membawa seorang budak lelaki Sri Lanka berusia 14 tahun dan bapanya sebaik mereka tiba di negara ini.



Bandaranaike International Airport

Lelaki berusia 76 tahun itu dikaitkan dengan 17 kes penyeludupan kanak-kanak.

Dia tiba di Malaysia bersama mangsa terbaharunya melalui penerbangan AirAsia pada Isnin lalu.

Jabatan Imigresen Malaysia mendapat maklumat untuk menahan lelaki itu selepas Unit Pengawasan Sempadan (BSU) di Lapangan Terbang Sri Lanka mengesan kumpulan tersebut yang dalam perjalanan untuk terbang ke Malaysia.

Sasaran sindiket itu adalah keluarga kurang berkemampuan di Malaysia dengan menawarkan mereka wang tunai sebagai pertukaran dengan sijil kelahiran serta maklumat anak mereka.



Mukhriz Hazim | malaysiakini

Dokumentasi itu kemudiannya digunakan untuk memohon pasport Malaysia untuk kanak-kanak Sri Lanka yang sepadan dengan keterangan kanak-kanak Malaysia.

Susulan itu, kanak-kanak Sri Lanka tersebut akan dibawa ke UK atau Eropah menggunakan pasport Malaysia. Sindiket itu dibayar sehingga €50,000 untuk perkhidmatan tersebut.

Sepanjang Disember 2022 hingga April 2023, didapati 13 kanak-kanak Sri Lanka berumur antara 11 dan 16 tahun telah mendarat di UK atau Perancis melalui cara ini.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CEMAS DUA ANAK TIDUR TERKUNCI | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 APR 2024 | M/SURAT | : | 25 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



ANGGOTA bomba menyelamatkan dua kanak-kanak terperangkap dalam kereta yang terkunci di PD Waterfront, Port Dickson, kelmarin.

# Cemas dua anak tidur terkunci

## *Bomba selamat dua budak terperangkap dalam kereta*

**Oleh Mohd Khidir Zakaria**
am@hmetro.com.my

**Port Dickson**

Keluarga dua kanak-kanak berusia enam dan empat tahun berdepan detik cemas apabila anak mereka terperangkap dalam kereta yang terkunci di depan sebuah premis di PD Waterfront di sini, kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Port Dickson, Mohd Kamal Mohd Timar berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 5.49 petang daripada seorang wanita dipercayai ibu dua kanak-kanak itu.

"Setibanya di lokasi, didapati dua kanak-kanak itu tertidur dalam Perodua Viva yang terkunci," katanya dalam kenyataan, semalam.

*Ibu bapa perlu berhati-hati ketika meninggalkan kereta semasa kanak-kanak masih berada dalam kereta terutama ketika mereka sedang tidur kerana ia sangat bahaya"*

**Mohd Kamal**



KANAK-kanak berusia enam dan empat tahun berjaya diselamatkan anggota bomba.

Menurutnya, pasukannya membuka pintu kereta dengan menggunakan peralatan khas.

"Dua kanak-kanak itu didapati sedang tidur dan dalam keadaan stabil.

"Ibu bapa perlu berhati-hati ketika meninggalkan kereta semasa kanak-kanak masih berada dalam kereta terutama ketika mereka sedang tidur kerana ia sangat bahaya," katanya.

# Keluarga panik, anak tertidur dalam kereta terkunci

Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my



Pasukan Bomba dan Penyelamat Port Dickson menyelamatkan dua kanak-kanak yang terperangkap dalam kereta yang terkunci dari dalam di depan sebuah premis di PD Waterfront. FOTO Ihsan Bomba

Port Dickson: Keluarga dua kanak-kanak berusia enam dan empat tahun berdepan detik cemas apabila anak mereka terperangkap dalam kereta yang terkunci di depan sebuah premis di PD Waterfront, di sini, semalam.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Port Dickson Mohd Kamal Mohd Timar berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 5.49 petang dari seorang wanita dipercayai ibu dua kanak-kanak itu.

"Setibanya di lokasi, didapati dua kanak-kanak itu tertidur dalam Perodua Viva yang terkunci," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, pasukannya membuka pintu kereta dengan menggunakan peralatan khas.

"Dua kanak-kanak itu didapati sedang tidur dan dalam keadaan stabil.

"Ibu bapa perlu berhati-hati ketika meninggalkan kereta semasa kanak-kanak masih berada dalam kereta terutama ketika mereka sedang tidur kerana ia sangat bahaya," katanya.

**Disiarkan pada: April 25, 2024 @ 1:24pm**

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INSPEKTOR DIREMAN BAGI BANTU SIASATAN | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 26 APR 2024 | M/SURAT : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

AMANG SEKSUAL REMAJA

# Inspektor direman bagi bantu siasatan

Oleh Mary Victoria Dass
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

Seorang pegawai polis berpangkat inspektor ditahan bagi membantu siasatan berhubung dakwaan melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berusia 16 tahun.

Ketua Polis Johor, Komisioner M Kumar berkata, pihaknya menerima laporan dan sedang menjalankan siasatan berkaitan dakwaan terhadap pegawai kanan polis itu.

Beliau berkata, lelaki itu yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Pontian didakwa melakukan perbuatan itu jam 6 petang di kawasan Johor Jaya di sini, kelmarin.

Menurutnya, remaja perempuan itu membuat laporan polis jam 9.21 malam kelmarin dan dibenarkan pulang.

Katanya, suspek berusia 29 tahun ditahan di kawasan Bandar Seri Alam bagi tindakan lanjut jam 11 malam pada hari sama.

"Polis turut merampas telefon bimbit berserta kad sim yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes berkenaan.

"Permohonan reman terhadap suspek dibenarkan hingga 28 April hadapan.

"Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan jika disabit hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun dan boleh dihukum dengan hukuman sebatan," katanya semalam.

Beliau berkata, polis Johor komited dalam usaha memerangi masalah integriti serta salah laku jenayah dalam kalangan anggotanya demi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap polis.

"Mana-mana polis yang dipercayai melakukan jenayah akan diambil tindakan tegas tanpa kompromi berlandaskan prinsip kesamarataan di sisi undang-undang mengikut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan.

"Kes masih dalam siasatan dan orang ramai dinasihatkan tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu proses penyiasatan.

"Polis juga menyeru orang awam agar konsisten dalam menyalurkan sebarang maklumat berkaitan jenayah yang berlaku di talian Hotline Polis di 0192792095," katanya.

> **"Polis turut merampas telefon bimbit berserta kad sim yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes berkenaan"**